

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 113
RUANGAN : NEGARA

Premis saji sandwic basi berdepan tindakan perundangan

KUALA TERENGGANU - Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mendapati wujud pelanggaran dalam etika pemakanan sehingga berlaku kes keracunan makanan yang meragut nyawa seorang wanita berusia 54 tahun di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Perasing, Kemaman, tiga minggu lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, keputusan ujian makmal terhadap sampel ma-

kanan dan peralatan premis terbabit mengesahkan pelanggaran tersebut.

"Keputusan makmal menunjukkan wujud pelanggaran di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Tindakan perundangan sedang diambil ke atas peniaga terlibat," katanya di sini semalam.

Kosmo! pada 24 Disember lalu melaporkan seorang wanita, Khatijah Mohamed meninggal



KERATAN Kosmo! 27 Disember 2023.

dunia akibat keracunan makanan disyaki selepas menikmati makanan basi di medan selera

kawasan R&R Perasing.

Wanita yang berasal dari Johor Bahru itu mengalami sakit perut, cirit-birit dan muntah selepas memakan makanan yang dipercayai telah basi.

Dia meninggal dunia ketika menerima rawatan di wad Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini pada 19 Disember lalu.

Kasemani menegaskan, tindakan perundangan termasuk pendakwaan ke mahkamah boleh diambil terhadap pengendali ma-

kanan cuai sehingga menyebabkan sajian dijual tercemar.

Jelas beliau, makanan yang dicemari bendasing seperti bakteria dan virus boleh memudaratkan kesihatan pengguna.

"Sehubungan itu, pengendali makanan diingatkan sentiasa menitik berat aspek kebersihan dan keselamatan makanan.

"Pengguna pula dinasihatkan mengamalkan konsep 'perhati dan pilih' sebelum membeli makanan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NASIONAL

Peniaga R&R jual sandwic basi bakal didakwa

Keputusan ujian makmal terhadap sampel makanan tunjuk berlaku pelanggaran

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Peniaga di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Perasing, Kemaman berdepan tindakan undang-undang susulan kes keracunan makanan

Laporan Sinar Harian pada 24 Disember lalu.



yang dijual menyebabkan kematian seorang wanita pada Disember tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Datuk Dr Kasemani Embong berkata, keputusan ujian makmal terhadap sampel makanan diambil dari premis berkenaan menunjukkan

berlaku pelanggaran di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.

"Sebelum ini pihak Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman menjalankan siasatan terhadap premis terlibat bagi mengenal pasti punca sebenar berkaitan isu itu

"Beberapa sampel makanan serta swab peralatan dan pengendali makanan diambil untuk membantu siasatan. Kita dapati terdapat pelanggaran peraturan



KASEMANI

ditetapkan dan tindakan perundangan sedang diambil ke atas peniaga terlibat," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau menasihati pengusaha dan pengendali makanan supaya sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan serta keselamatan.

"Tindakan perundangan termasuk pendakwaan ke mahkamah akan diambil terhadap pengusaha dan pe-

ngendali makanan yang cuai dalam penyediaan makanan hingga menyebabkan makanan yang dijual dicemari bahan atau bakteria, virus dan sebagainya," katanya.

Pada 23 Disember lalu, *Sinar Harian* melaporkan seorang wanita berusia 54 tahun meninggal dunia di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini yang didakwa akibat keracunan makanan dibeli di R&R Perasing.

GUANE
GAMOK
WEH!